

'Ibarat imbau kenangan lama'

JOHOR BAHRU 21 Mac - "Ibarat mengimbau kembali detik 55 tahun dahulu, biarpun waktu itu saya masih kecil, namun kemeriahannya tetap dirasai."

Itulah luahan perasaan yang dikongsi oleh **Raja Mohd. Khalid**.

Khalid Mohammad, 67, seorang rakyat Johor yang berpeluang menyaksikan Istiadat Kemahkotaan Almarhum Sultan Ismail Sultan Ibrahim yang diadakan pada 10 Februari 1960.

Kini, setelah 55 tahun, bapa kepada dua cahaya mata itu berpeluang sekali lagi menyaksikan istiadat unik tersebut pada Isnin ini yang mana Sultan Ibrahim Sultan akan dimahkotakan.

"Saya gembira kerana berpeluang menyaksikan istiadat itu semula. Tahniah kepada Tuanku Sultan, semoga terus menjadi sultan yang berjiwa rakyat," katanya ketika ditemui *Mingguan Malaysia* di Taman Perling di sini hari ini.

Mengimbau kembali Istiadat Kemahkotaan Almarhum Sultan

Ismail dahulu, Raja Mohd. Khalid berkata, cuaca pada waktu itu sungguh baik dan ramai rakyat Johor berbilang kaum berkumpul di dalam dan luar Istana Besar bagi menyaksikan istiadat tersebut.

Menurutnya, pada waktu itu rakyat negeri ini meraikan istiadat tersebut dengan gembira, apatah lagi acara sampaingan yang diadakan juga cukup menghiburkan.

"Saya keluar rumah pada pukul 7 pagi dengan berjalan kaki bersama-sama sepupu dan saudara mara lain ke Istana Besar. Walaupun ketika itu saya berusia 12 tahun, sedikit-sebanyak saya faham tentang majlis tersebut.

"Selepas istiadat berkenaan, kami semua pergi ke kawasan sukan air yang diadakan berhampiran Istana Besar untuk menyaksikan pelbagai acara seperti tangkap itik dan perlumbaan perahu," katanya sambil memberitahu pada istiadat kali ini, dia memilih untuk menyaksikannya menerusi televisyen sahaja.



RAJA MOHD. KHALED

Iskandar